

Sifat terikat punca puak dalam parti

Oleh JAILANI HARUN

SUBANG JAYA, Ahad Orang Melayu harus mengikis sifat berasa terikat kepada scscorang pemimpin yang disokongnya, walaupun pemimpin itu tidak lagi dapat memikul tanggungjawab dengan jujur kepada parti, agama, bangsa dan negara.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan sokongan itu sebaliknya hendaklah dibcrikan kepada pemimpin baru yang lebih setia berkhidmat untuk kepentingan semua pihak.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Puchong, di sini hari ini, beliau berkata, adalah tidak wajar sokongan diberi kepada mereka yang menggunakan parti semata-mata untuk mencari keuntungan peribadi.

"Kita tahu bahawa orang Melayu amat setia kepada pemimpin, tetapi kelemahan sifat orang Melayu ialah apabila mereka sudah menyokong seorang pemimpin, orang itu sajalah yang disokongnya sampai bila-bila.

"Walaupun orang itu tewas dalam pemilihan pucuk kepimpinan peringkat cawangan, bahagian dan pusat, dia masih disokong. Ini menyebabkan pemimpin baru yang ternyata lebih baik daripadanya, seolah-olah tidak diiktiraf walaupun menang dengan suara majoriti," katanya.

Kerana itulah, kata beliau, wujudnya sikap berpuak-puak dalam parti, yang sekaligus menjejaskan usaha menyatukan semula semua pihak yang terbabit dalam proses pemilihan.

"Jika sudah ternyata pemimpin lama itu tidak lagi dapat bertugas mengikut kehendak rakyat, parti dan negara, dia tidak layak dikkalkan sebagai ketua.

"Jika pemimpin lama itu masih baik dan boleh berkhidmat bagi memanfaatkan semua pihak, wajarlah pemilihan tidak diadakan melainkan ada orang yang lebih baik daripadanya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, pemilihan secara sistem demokrasi tidak dapat menjamin masa depan negara melainkan rakyat bijak menggunakan kuasa memilih itu untuk kebaikan semua pihak.

Menurutnya, demokrasi tidak mengajar rakyat bersifat rambang mata, sehingga terpengaruh dengan segelintir pemimpin yang sanggup menggunakan wang bagi menjamin pemilihannya.

Sakit hati

"Kita tidak mahu ini berlaku. Sikap seperti itu bukan saja memecahbelahkan orang Melayu, malah menghancurkan parti. Oleh itu, gunakanlah demokrasi itu dengan sebijak-bijaknya," kata beliau.

Ahli Umno juga, katanya, tidak patut membiarkan peristiwa pengharumannya dua tahun lalu berulang kerana perbuatan orang yang tidak dapat menerima keputusan suara ramai.

"Mereka yang gagal dalam pemilihan akan berasa sakit hati dan akan mencari jalan agar pemilihan diadakan sekali lagi, hanya kerana dia kalah dengan perbezaan undi yang kecil," katanya.

Menurutnya, memang tidak dinafikan masih ada orang yang tamakkan kuasa dalam Umno yang tidak langsung menghiraukan masa depan parti, bangsa dan negara asalkan hajat mereka tercapai.

Turut hadir di majlis itu ialah Ketua Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Mohd Taib yang juga pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Umno bahagian Puchong.